

# SISTEM MAKLUMAT PELAJAR SISWAZAH

Kwek Keng Hong  
Jamaiah Binti Yahaya

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang pembangunan Sistem Maklumat Pelajar SiswaZah SOFTAM (SIMPSIS). Sistem ini merupakan sistem pengurusan maklumat pelajar siswazah bagi Pusat Penyelidikan Teknologi dan Pengurusan Perisian atau lebih dikenali sebagai SOFTAM yang merupakan pusat penyelidikan yang berasaskan bidang teknologi dan sistem maklumat di bawah Fakulti Teknologi & Sains Maklumat (FTSM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Di Pusat SOFTAM, kakitangan pengurusan masih menggunakan kaedah lama dalam menguruskan maklumat pelajar siswazah iaitu menggunakan perisian Microsoft Excel yang mana data-data pelajar diperolehi daripada SMPWEB adalah tidak sesuai dalam mengendalikan data-data tersebut. Oleh itu, Sistem Maklumat Pelajar SiswaZah SOFTAM(SIMPSIS) dibangunkan bagi mengatasi permasalahan tersebut. Sistem ini merupakan sistem berdasarkan Web yang digunakan oleh pihak pengurusan SOFTAM dalam mengurus maklumat pelajar mereka. Sistem ini membolehkan staf pengurusan untuk mengemaskini dan menambah maklumat pelajar siswazah serta penyelia mereka. Sistem ini juga boleh menjana laporan keseluruhan data dalam bentuk grafik yang boleh membantu staf dalam menilai dan menganalisis prestasi dan status pelajar di SOFTAM. Perisian yang digunakan bagi membangunkan sistem ini ialah “sublime text Editor” dan penyimpanan data adalah disimpan di dalam ‘PhpMyAdmin’. Sistem dibangunkan dengan menggunakan kaedah metodologi Agile kerana model ini adaptif terhadap perubahan aktiviti dan perkembangan evolusi. Bahasa pengaturcaraan yang digunakan ialah PHP, JavaScript, HTML dan CSS. Ringkasnya, pembangunan sistem ini telah dapat memudahkan pihak pengurusan dalam mengendalikan maklumat pelajar siswazah di SOFTAM.

## 1. PENGENALAN

Perkembangan teknologi di dunia semakin hari semakin berkembang pesat. Teknologi telah banyak membantu dalam mengubah cara hidup kita ke arah yang lebih baik. Pada masa kini, penggunaan teknologi maklumat dalam pelbagai bidang telah meluas dan membantu dalam mencapai negara yang berteknologi maju. Salah satu bidang yang menggunakan teknologi maklumat ialah sistem pengurusan. Dengan adanya teknologi maklumat, sistem pengurusan yang melibatkan data-data yang banyak dapat mempercepatkan pengurusan serta kerja merekod maklumat tanpa perlu melakukan secara manual. Selain itu, maklumat data dapat disimpan dengan lebih selamat dan sistematik dengan menggunakan teknologi maklumat serta secara langsung dapat membantu meringankan proses-proses pengurusan. Justeru itu, penggunaan teknologi dalam pengendalian sesebuah organisasi amatlah penting bagi meningkatkan produktiviti organisasi. Sebagai contoh, sistem pengurusan teknologi maklumat telah menjadi komponen utama proses pengurusan dalam kerajaan di Australia (Chatfield & Coleman, 2011; Jones, 2005; Rozemeijer, 2007).

Pusat Penyelidikan Teknologi dan Pengetahuan Perisian atau lebih dikenali sebagai SOFTAM ialah sebuah pusat penyelidikan yang berasaskan bidang teknologi dan sains

maklumat di bawah Fakulti Teknologi & Sains Maklumat (FTSM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pusat SOFTAM bertanggungjawab dalam mengurus data-data pelajar siswazah FTSM, data pelajar termasuklah nama, no.matrik, penyelia, dan projek kajian. Data-data tersebut diperolehi daripada sistem SMPWEB yang merupakan sistem maklumat pelajar utama bagi pelajar UKM. Data-data tersebut adalah dalam bentuk dokumen berformat Microsoft Excel Open XML Spreadsheet (xlsx) dan menggunakan perisian Microsoft Office Excel untuk memaparkan data-data tersebut. Hal ini kerana buat masa ini, Pusat SOFTAM tidak mempunyai sebuah sistem yang sedia ada dalam memaparkan dan menguruskan data-data tersebut. Hal ini membuatkan staf pengurusan SOFTAM terpaksa menggunakan perisian Microsoft Excel yang agak tidak sesuai dalam pengendalian maklumat pelajar Pusat SOFTAM.

Oleh demikian, Sistem Maklumat Pelajar SiswaZAH SOFTAM(SIMPSIS) dibangunkan bagi membantu pihak pengurusan dalam mengendalikan maklumat pelajar siswazah di Pusat SOFTAM. Sistem ini akan dapat membantu pihak pengurusan dalam kerja-kerja memantau, merekod serta mengemaskini data pelajar siswazah SOFTAM dengan lebih sistematik dan berkesan. Selain itu, sistem ini membolehkan staf pengurusan untuk memuat naik dokumen data pelajar daripada SMPWEB yang berformat xlsx tanpa perlu menggunakan perisian Microsoft Excel. Di samping itu, mempunyai paparan muka mesra pengguna yang dapat membuatkan kerja-kerja pengurusan menjadi lebih mudah. Kesannya, ia dapat meningkatkan produktiviti kerja Pusat SOFTAM dan secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu pembelajaran pelajar di FTSM, UKM.

## **2. PENYATAAN MASALAH**

Pada ketika ini, Pusat SOFTAM masih lagi tidak mempunyai sistem sedia ada yang bertanggungjawab dalam menguruskan data pelajar siswazah di SOFTAM. Di Pusat SOFTAM, data-data pelajar siswazah diambil daripada sistem SMPWEB, sistem utama maklumat pelajar di UKM. Data tersebut adalah dalam format xlsx. Hal ini membuatkan petugas pengurusan terpaksa menggunakan perisian Microsoft Excel bagi memaparkan dan mengurus data pelajar siswazah tersebut.

Penggunaan Microsoft Excel dalam mengendali maklumat pelajar siswazah Pusat SOFTAM adalah sangat tidak sesuai dan tidak praktikal. Hal ini kerana kerja-kerja mengurus seperti memantau, mengemaskini serta merekod data adalah amat rumit. Ini terjadi ekoran daripada jumlah data pelajar yang banyak menjadikan proses mencari dan mengedit data adalah

agak sukar dan memakan masa yang lama. Selain itu, ketika kita hendak mencari atau ingin menapis data, penggunaan tapisan dalam Microsoft Excel adalah secara manual dan mestilah menghafal formula tersebut untuk menggunakannya.

Di samping itu, maklumat-maklumat pelajar yang disimpan di dalam Microsoft Excel mempunyai risiko untuk hilang ataupun dicuri. Apabila menggunakan Microsoft, fail akan disimpan di dalam komputer dan akan dikongsi bersama staf lain secara atas talian. Hal ini merbahaya kerana komputer kita mungkin akan diserang oleh virus dan malware menjadikan data-data tersebut akan rosak ataupun hilang. Selain itu, kurangnya keselamatan pada kawalan pengaksesan data. Ketiadaan kawalan atau penghalang bagi pengguna untuk menukar atau mengubah data tersebut tanpa kebenaran pentadbir sistem.

Selanjutnya, Microsoft Excel tidak dapat memaparkan data secara keseluruhan. Ketika kita hendak melihat laporan keseluruhan data, kita perlu melakukan ia secara manual dan memakan masa yang lama. Dalam laporan tersebut kita dapat mengetahui keseluruhan data dalam aspek contohnya jantina pelajar, bilangan pelajar dan sebagainya. Hal ini juga menyukarkan kerja menganalisis data pelajar.

Seterusnya, pengesahan data yang kurang sesuai pada Microsoft Excel semasa memasukan data ke dalam rekod. Kita sedia maklum, bahawa manusia boleh melakukan kesilapan semasa melakukan sesuatu. Hal ini juga boleh terjadi semasa mengurus data pelajar, ketika staf pengurusan cuba untuk mengemaskini sesuatu data pelajar, ada kemungkinan boleh berlaku human error, iaitu memasukkan data yang tidak betul ke dalam rekod. Hal ini boleh mengakibatkan kerosakan rekod data tersebut dan juga membebankan staf untuk membetulkan semula kesalahan tersebut.

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan utama kajian ini dijalankan ialah bagi membangunkan sebuah sistem maklumat pelajar siswazah bagi Pusat SOFTAM. Objektif yang terdapat dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Mengenal pasti masalah kegunaan perisian Microsoft Excel dalam mengurus maklumat pelajar siswazah oleh pihak pengurusan Pusat SOFTAM.
- b. Memudahkan proses memantau, mengemaskini dan merekod maklumat pelajar di sistem bagi meningkatkan mutu dan produktiviti pengurusan Pusat SOFTAM

- c. Memastikan data-data pelajar siswazah disimpan dengan selamat dan teratur daripada serangan virus dan kerosakan peralatan komputer.
- d. Membolehkan pihak pengurusan menjana laporan keseluruhan data dengan lebih mudah dan cepat untuk memudahkan proses analisis dan pemantauan.
- e. Untuk melakukan pengujian kebolehgunaan dan penyelenggaran terhadap sistem apabila siap dibangunkan


#### **4. METOD KAJIAN**

Sistem ini dibangunkan secara berasaskan Kitar Hayat Pembangunan Sistem ataupun lebih dikenali sebagai *Software Development Life Cycle (SDLC)* yang merupakan suatu proses digunakan dalam membangunkan sebuah sistem. Dalam SDLC, ia terdiri daripada analisis, reka bentuk, pembangunan, pengujian dan dokumentasi.



Rajah 4.1 Kitar Hayat Pembangunan Sistem

Antara kesemua model dalam Kitar Hayat Pembangunan Sistem, metodologi yang digunakan bagi membangunkan projek ini adalah dengan menggunakan model kaedah Tangkas. Model ini dipilih disebabkan memudahkan proses pembangunan ekoran sistem akan dibangunkan dengan membahagi ia kepada 3 modul kecil. Hal ini akan dapat memudahkan proses pembangunan dan juga mudah untuk melakukan sebarang perubahan.



Rajah 4.2 Model Tangkas

Selain itu, dapat menghasilkan sistem yang berkualiti. Hal ini kerana dalam model Tangkas, sistem yang dibangunkan akan sering diuji dan ditambahbaik dari semasa ke semasa. Di samping itu, dengan model Tangkas, sistem yang dibangunkan boleh mendapat komen dan maklum balas daripada pengguna dan pembina sistem mengikut aspek kesenangan dan keutamaan kepada pengguna. Hal ini akan membantu proses penambahbaikan dapat dijalankan dengan masa yang singkat. Selanjutnya, sistem yang dibangunkan dengan model Tangkas juga mempunyai tahap risiko kegagalan yang rendah berbanding model-model yang lain. Hal ini kerana proses mengemaskini keperluan pelanggan dan persekitaran bagi membuat sistem yang dibuat sesuai dengan pasaran.

#### **4.1. Fasa Perancangan**

Fasa perancangan merupakan fasa pertama dalam metodologi bagi kajian ini. Fasa ini bertujuan untuk mengenal pasti penyataan masalah, objektif, skop, cadangan penyelesaian dankekangan kajian. keperluan pengguna yang menjadi asas dalam pembangunan sistem. Selain itu, jadual projek juga dirangka bagi memastikan perancangan projek berjalan dengan lancar. Di samping itu, aktiviti sorotan kesusasteraan dihasilkan yang melibatkan proses pencarian, pengkajian dan pembacaan jurnal, artikel serta kajian-kajian terdahulu sebagai rujukan dalam projek ini.

#### **4.2. Fasa Analisis**

Fasa ini bertujuan untuk memperolehi keperluan pengguna yang menjadi asas kepada pembangunan sistem ini daripada pihak berkepentingan antaranya kakitangan pengurusan dan pelajar siswazah pusat SOFTAM. Kaedah yang dijalankan dalam proses pengumpulan data dan maklumat pengguna melalui temu bual secara atas talian melalui “Google Meet” yang melibatkan kakitangan pengurusan pusat SOFTAM. Temu bual ini dijalankan bagi mendapat keperluan pengguna bagi menentukan fungsi-fungsi yang bakal ada pada sistem.

#### **4.3. Fasa Reka Bentuk**

Fasa ini melibatkan proses menghasilkan reka bentuk model sistem agar membantu untuk memberikan gambaran awal terhadap pembangunan sistem. Dalam fasa ini, reka bentuk struktur dihasilkan yang memfokuskan kepada fungsi dalaman sistem, rajah kelas dan jujukan dihasilkan untuk menggambarkan proses dan interaksi dalam sistem agar memberikan kefahaman yang lebih jelas terhadap fungsi sistem dan bagaimana sistem beroperasi. Selain itu, antara muka sistem juga dihasilkan yang mana direka mengikut cita rasa dan warna yang sesuai bagi kegunaan pengguna pada masa kini.

#### **4.4. Fasa Implementasi**

Fasa implementasi merupakan fasa di mana sistem akan mula dibangunkan. Sistem ini dibangunkan secara berperingkat mengikut jadual yang telah ditetapkan. Dalam fasa ini, penulisan kod serta pembinaan pangkalan data dan antara muka dijalankan berdasarkan perancangan yang telah dibuat di fasa sebelum ini.

#### **4.5. Fasa Pengujian**

Dalam fasa ini, proses pengujian akan dijalankan terhadap sistem yang telah siap dibangunkan agar dapat mengenal pasti pepijat dan kecacatan pada sistem. Pengujian menggunakan perisian ujian juga digunakan, iaitu JMeter dalam menguji prestasi sistem. Fasa ini penting agar memastikan sistem berjalan dengan lancar tanpa sebarang ralat.

### **5. HASIL KAJIAN**

Bahagian ini membincangkan tentang hasil kajian pembangunan sistem SIMPSIS. Sistem ini telah dibangunkan dengan menggunakan perisian seperti *Visual Studio Code* bagi menulis kod sistem dan *PhpMyAdmin* digunakan untuk membina dan mengurus pangkalan data sistem. Sistem ini telah dibina dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan *PHP* dengan rangka kerja *Laravel*. Kod-kod yang telah digunakan dalam pembangunan sistem ini adalah hasil daripada kajian dan hasil pencarian maklumat melalui pembacaan serta rujukan atas talian.

Setiap sistem yang dibangunkan sewajarnya mempunyai pangkalan data yang tersendiri untuk bertujuan menyimpan dan mengurus data pengguna dan data pelajar serta penyelia di dalam sistem. Rajah 5.1 menunjukkan jadual pangkalan data bagi pengguna sistem. Rajah 5.1 menunjukkan jadual pangkalan data bagi pengguna sistem. Jadual tersebut mengandungi atribut seperti id, nama pengguna, email , kata laluan dan peranan pengguna di dalam sistem.

Options										
	#	id	name	email	email_verified_at	password	role_as	remember_token	created_at	updated_at
<input type="checkbox"/>	1	1	k k	audrey@gmail.com	NULL	\$2y\$10\$xMEtDHJ2a07JwY4XuLgsjeKrW/qjBaElb.e82VksPZ... 1	NULL	NULL	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20
<input type="checkbox"/>	2	2	ddd	pearl@gmail.com	NULL	\$2y\$10\$EGyCVtCmz0WtB5IBuzzYY0jStqfWaC3kfNBetuhZy... 0	NULL	NULL	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20
<input type="checkbox"/>	3	3	k k	kkk@gmail.com	NULL	\$2y\$10\$YbNPAS3DZ9sPjCqGSILeHOROjK.MlbFV/gf/ce... 0	NULL	NULL	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20
<input type="checkbox"/>	4	4	kweee	abu@gmail.com	NULL	\$2y\$10\$SR3drAKoM_LqcLKTet/WM.Jj0U2mMBuCtvO4F15AA4H... 0	NULL	NULL	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20
<input type="checkbox"/>	6	6	cehl	cagl@gmail.com	NULL	\$2y\$10\$ezfCnkLscLZYnEvaVbO5d0BjsNDMR240bf3pNj.v... 2	NULL	NULL	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20
<input type="checkbox"/>	8	8	jojo	jojo@gmail.com	NULL	\$2y\$10\$RFsTco1gIyFejd82XE6ugDgooyU2yCe9pL6nP.c... 2	NULL	NULL	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20
<input type="checkbox"/>	9	9	keke	P100345@siswa.ukm.edu.my	NULL	\$2y\$10\$aeuAdByaTTctfT4iXeV5yLuzdw7NNtQ8DALQ92R0vF.. 2	NULL	NULL	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20
<input type="checkbox"/>	10	10	yoyo	P111702@siswa.ukm.edu.my	NULL	\$2y\$10\$Ys0dbeRNJMls.tw0s0PMIOmRjt3a3h7N1LQunUvsJv... 2	NULL	NULL	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20

Rajah 5.1 Pangkalan Data Pengguna

Rajah 5.2 menunjukkan jadual data bagi pelajar. Jadual tersebut mengandungi atribut seperti id, nama pelajar, email, no telefon, tahun pengajian, tarikh mula pengajian, tarikh tamat pengajian, penyelia 1,2 & 3, tajuk tesis, makmal, status pengajian, dan gambar pelajar.

Options																		
	#	id	matric	name	email	phone	year	startsem	endsem	supervisor1	supervisor2	supervisor3	thesis	lab	status	student_img	created_at	updated_at
<input type="checkbox"/>	1	P100345	NORTHLAH MUTHIR NOKH	NORTHLAH MUTHIR NOKH	P100345@siswa.ukm.edu.my	0135166991	4	20192020	20222025	NURHIZAM SAFIE BIN MOHD SATAR	NULL	NULL	E_SERVICE	Graduated	1666367320.jpg	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20	
<input type="checkbox"/>	2	P100346	AESHAH INSSAAN ALI JAMMAD	Aesha.hi@live.com	01125043979	4	20192020	20242027	MARYATI BINTI MOHD YUSOF	OIAN INDRAYANI BINTI JAMMI	NULL	NULL	C_SERVICE	Enrolled	1066360707.jpg	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20	
<input checked="" type="checkbox"/>	3	P102272	KHAJUL AZBIN BIN KUARDUN	KHAJUL AZBIN BIN KUARDUN	P102272@siswa.ukm.edu.my	0195599927	4	20192020	20242025	NURHIZAM SAFIE BIN MOHD SATAR	HASIMI SALLEHUDIN	NULL	NULL	E_SERVICE	Enrolled	2	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20
<input type="checkbox"/>	4	P102453	AHMED HADI ALI	AHMED HADI ALI	P102453@siswa.ukm.edu.my	1162271161	3	20192020	20272021	ELANKOVAN A/L MUTHARARAJAN	ROSSILAWATI SULAIMAN	NT/II	NULL	F_SERVICE	Enrolled	NT/II	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20
<input type="checkbox"/>	5	P103579	RAHMAN BAKER SAIDQ	RAHMAN BAKER SAIDQ	P103579@siswa.ukm.edu.my	0173165201	5	20192020	20222023	NURHIZAM SAFIE BIN MOHD SATAR	ABDUL HADI BIN ABD RAHMAN	NULL	NULL	E_SERVICE	Enrolled	NULL	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20
<input type="checkbox"/>	6	P104203	YULI ROHIMIYATI	YULI ROHIMIYATI	P104203@siswa.ukm.edu.my	01146732165	3	20192020	20252026	TENGKU SITI MELNOVA BINTI TENGKU WHAISI (S/N9991)	NORAIKH BINTI SAHARI (S/N9991)	NULL	NULL	E_SERVICE	Enrolled	NULL	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20
<input type="checkbox"/>	7	P105534	SOR KEAN VEE	SOR KEAN VEE	P105534@siswa.ukm.edu.my	0162927502	3	20192020	20262027	ELANKOVAN A/L DUNDARARAJAN	NULL	NULL	NULL	E_SERVICE	Enrolled	NULL	2022-06-27 21:21:20	2022-06-27 21:21:20


Rajah 5.2 Pangkalan Data Pelajar

Rajah 5.3 menunjukkan jadual data bagi makmal. Antara atribut yang terdapat dalam jadual tersebut ialah id, kod makmal, nama makmal, ketua makmal, email ketua makmal, gambar makmal.

Options							
	#	id	lab_code	lab_name	kp	email	lab_img
<input type="checkbox"/>	1	1	E_SERVICE	E-SERVICE	Dr. NUR FAZIAH ELIAS	nfa@ukm.edu.my	NULL
<input type="checkbox"/>	2	2	SISS	STRATEGIC INFORMATION AND SOFTWARE SYSTEMS	Dr. DIAN INDRAYANI JAMBAR	dian@ukm.edu.my	NULL
<input type="checkbox"/>	3	3	PET	PLATFORM AND EMERGING TECHNOLOGIES	Assoc. Prof. Dr. ELANKOVAN SUNDARARAJAN	elan@ukm.edu.my	NULL
<input type="checkbox"/>	4	4	LT	LEARNING INNOVATION TECHNOLOGY	Assoc. Prof. Dr. NORAIKH SAHARI @ ASHAARI	nra@ukm.edu.my	NULL

Rajah 5.3 Pangkalan Data Makmal

Rajah 5.4 menunjukkan jadual data bagi penyelia. Jadual tersebut mengandungi atribut seperti id, nama penyelia, no telefon penyelia, dan gambar penyelia.



	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	<input type="checkbox"/> id	<input type="checkbox"/> name_supervisor	<input type="checkbox"/> tell	<input type="checkbox"/> email	<input type="checkbox"/> supervisor_img	<input type="checkbox"/> created
1	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	1	DIAN INDRAYANI BINTI JAMBARI	089216555	dian@slowa@ukm.cdu.my	1	2022-01-01 00:00:00
2	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	2	IIASIMI GALLEH JUDIN	089215555	hasimi@ukm.edu.my	2	2022-01-01 00:00:00
3	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	3	ROSSILAWATI SULAIMAN	089215555	rossilawati@ukm.edu.my	3	2022-01-01 00:00:00
4	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	4	ABDUL HADI BIN ABD RAHMAN	0389216712	abdulhadi@ukm.edu.my	4	2022-01-01 00:00:00
5	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	5	NORAIDAH BT. SAHARI @ASHAARI	089215555	noraidah@ukm.edu.my	5	2022-01-01 00:00:00
6	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	6	NURHIZAM SAFIE BIN MOHD SATAR	089215555	hizam@ukm.edu.my	6	2022-01-01 00:00:00
7	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	7	MARYATI BINTI MOHD. YUSOF	089215555	maryati@ukm.edu.my	7	2022-01-01 00:00:00
8	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	8	ELANKOVAN ALA SUNDARARAJAN	089215555	alan@ukm.edu.my	8	2022-01-01 00:00:00
9	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	9	TENGKU SITI MERIAM BINTI TENGKU WOOK	089215555	tsmeriam@ukm.edu.my	9	2022-01-01 00:00:00
10	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	10	NOORAZFA BINTI MOHD AI I	089215555	zaan@ukm.edu.my	10	2022-01-01 00:00:00
11	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	11	ZURINA BINTI MUJAHIDAH	089115555	zarina.muda@ukm.edu.my	11	2022-01-01 00:00:00
12	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	12	IBRHAM BIN MOHAMMED	089115555	ibrahim@ukm.edu.my	12	2022-01-01 00:00:00
13	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	13	SYAHANIM MOHD SALLEH	089216703	syahanim@ukm.edu.my	13	2022-01-01 00:00:00
14	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	14	HAZURA DINTI MOHAMMED	089216655	hazura.mohamed@ukm.edu.my	14	2022-01-01 00:00:00
15	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	15	MOHD JUZAIDDIN BIN AB AZIZ	089216655	juzalddin@ukm.edu.my	15	2022-01-01 00:00:00
16	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	16	NUR AZAH BINTI MAT ZIN	089215555	azariah@ukm.edu.my	16	2022-01-01 00:00:00
17	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	17	DALBIR SINGH A/L VALBIR SINGH	089216672	dalbir@ukm.edu.my	18	2022-01-01 00:00:00
18	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	18	AMIRAH BT. ISMAIL	089216736	amirahismail@ukm.edu.my	19	2022-01-01 00:00:00
19	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	19	SITI FADZILAH BINTI MAT NOOR	089216673	fadzilah@ukm.edu.my	20	2022-01-01 00:00:00
20	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	20	JAMAIAH BINTI YAHAYA	089218268	jly@ukm.edu.my	21	2022-01-01 00:00:00
21	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	21	RUZZAKIAH BINTI JENAL	089218268	ruzzakiahjenal@ukm.edu.my	22	2022-01-01 00:00:00
22	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	22	FAIJHII AH HINII HUSNII	089216782	tardhilah.mosi@ukm.edu.my	23	2022-01-01 00:00:00
23	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	23	ZULKEFLI BIN MANSOR	089216732	keflea@ukm.edu.my	24	2022-01-01 00:00:00
24	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	24	KAMSURIAH BINTI AHMAD	089216084	kamsuriyah@ukm.cdu.my	25	2022-01-01 00:00:00
25	<input type="checkbox"/> Edit <input type="checkbox"/> Copy <input type="checkbox"/> Delete	25	KAMSURIAH BINTI AI IMAD	089216004	kamsuriyah@ukm.edu.my	25	2022-01-01 00:00:00

Rajah 5.4 Pangkalan Data Penyelia

Kod pengaturcaraan adalah komponen yang utama dan penting dalam membina sistem ini. Rajah 5.5 menunjukkan kod bagi fungsi log masuk ke dalam sistem. Kod ini akan cuba untuk membezakan pengguna yang log masuk ke dalam sistem dengan melakukan semakan daripada data peranan mereka iaitu “roles\_as”. Setiap peranan pengguna akan membawa ke laman yang berbeza mengikut peranan masing-masing apabila log masuk ke sistem.

```

use AuthenticatesUsers;

/*
 * Where to redirect users after Login.
 */
@var string
*/
// protected $redirectTo = RouteServiceProvider::HOME;
protected function authenticated()
{
    if(Auth::user()->role_as == '1') // 1 - Admin Login
    {
        return redirect('/dashboard')->with('status', 'Admin Login');
    }
    elseif (Auth::user()->role_as == '0') // 0 - Staff Login
    {
        return redirect('/dashboard-staff')->with('status', 'Staff Login');
    }
    elseif (Auth::user()->role_as == '2') // 0 - Student Login
    {
        return redirect('/dashboard-student')->with('status', 'Student login');
    }
}
/**
 * Create a new controller instance.
 */
@return void
public function __construct()
{
    $this->middleware('guest')->except('logout');
}

```

Rajah 5.5 Skrip Kod Log Masuk

Rajah 5.6 menunjukkan skrip kod bagi fungsi mendaftar akaun ke dalam sistem. Kod ini akan mendapatkan maklumat seperti email, kata laluan dan juga peranan pengguna. Seterusnya maklumat tersebut disahkan betul dari segi format mereka masing-masing sebelum dimasukan ke dalam pangkalan data sistem.

```
47     * @param array $data
48     * @return \Illuminate\Contracts\Validation\Validator
49     */
50    protected function validator(array $data)
51    {
52        return Validator::make($data, [
53            'name' => ['required', 'string', 'max:255'],
54            'email' => ['required', 'string', 'email', 'max:255', 'unique:users'],
55            'password' => ['required', 'string', 'min:6', 'max:16', 'confirmed'],
56        ]);
57    }
58
59 /**
60 * Create a new user instance after a valid registration.
61 *
62 * @param array $data
63 * @return \App\Models\User
64 */
65    protected function create(array $data)
66    {
67        return User::create([
68            'name' => $data['name'],
69            'email' => $data['email'],
70            'role_as' => $data['role_as'],
71            'password' => Hash::make($data['password']),
72        ]);
73    }
74 }
```

Rajah 5.6 Skrip Kod Mendaftar Akaun

Rajah 5.7 menunjukkan skrip kod bagi fungsi memuat naik fail Excel yang mengandungi data pelajar. Kod ini akan melakukan semakan yang mana fail yang cuba dimuat naik adalah dalam format yang betul dan seterusnya menyimpan maklumat pelajar tersebut ke dalam pangkalan data sistem.

```

class uploadStudentController extends Controller
{
    public function index()
    {
        return view('admin.upload.index');
    }
    public function store(Request $request)
    {
        $file = $request->file('file')->store('import');

        $import = new StudentImport;
        $import->import($file);

        return redirect()->back()->with('message','File Excel uploaded Successfully');
    }
}

```

```

class StudentImport implements ToModel, WithHeadingRow, SkipsOnError, WithValidation
{
    use Importable,SkipsErrors;

    public function rules(): array
    {
        return [
            'matrik' => ['required', 'string', 'max:255', 'unique:students'],
        ];
    }

    /**
     * @param array $row
     *
     * @return \Illuminate\Database\Eloquent\Model|null
     */
    public function model(array $row)
    {
        return new Student([
            'matrik' => $row['matrik'],
            'name' => $row['name'],
            'year' => $row['tahun_pengajian'],
            'startsem' => $row['sesi_mula'],
            'endsem' => $row['sesi_tamat'],
            'phone' => $row['telefon'],
            'email' => $row['email'],
            'supervisor1' => $row['penyelia'],
            'supervisor2' => $row['penyelia_bersama'],
            'thesis' => $row['thesis'],
            'lab' => $row['lab'],
        ]);
    }
}

```

Rajah 5.7 Skrip Kod Memuat Naik Fail Excel

Rajah 5.8 menunjukkan skrip kod bagi fungsi carian maklumat pelajar. Kod ini akan menerima input daripada pengguna iaitu no.matrik pelajar yang ingin dicari. Seterusnya, sistem akan memaparkan maklumat pelajar tersebut jika ada dalam pangkalan data. Namun, jika tiada, sistem akan memaparkan mesej ralat.

```

}
public function searchStudent(Request $request)
{
    $search_student = $request->input('student_search');

    if(isset($search_student) && !empty($search_student))
    {
        $student = Student::where('matrik', 'LIKE', '%' . $search_student . '%')->paginate(8);
        if(!empty($student))
        {
            return view('admin.student.index', compact('student'));
        }
        else
        {
            $student = Student::paginate(8);
            return redirect('student')->with('message', "Student not exist");
        }
    }
    else
    {
        $student = Student::paginate(8);
        return redirect('student')->with('message', "Please insert matrik student");
    }
}

```

Rajah 5.8 Skrip Kod Carian Maklumat Pelajar

Rajah 5.9 menunjukkan skrip kod bagi fungsi papar maklumat pelajar. Kod ini akan memanggil data dalam pangkalan data berdasarkan no id pelajar.

```

namespace App\Http\Controllers\Admin;

use App\Models\Student;
use Illuminate\Http\Request;
use Illuminate\Support\Facades\DB;
use App\Http\Controllers\Controller;

class StudentController extends Controller
{
    public function index()
    {
        $student = DB::table('students')->paginate(8);
        return view('admin.student.index', compact('student'));
    }

    public function detailsStudent($id)
    {
        $student = Student::find($id);
        return view('admin.student.details', compact('student'));
    }

    public function viewstudent($id)
    {
        $data = Student::find($id);
        return view('admin.student.edit', compact('data'));
    }
}

```

Rajah 5.9 Skrip Kod Papar Maklumat Pelajar

Rajah 5.10 menunjukkan skrip kod bagi fungsi kemas kini maklumat pelajar. Kod ini akan mengambil input daripada pengguna dan seterusnya menukar data yang ada dalam pangkalan data dengan input pengguna tadi.

```

public function editstudent(Request $request, $id)
{
    $data=Student::find($id);
    $student_img=$request->file;

    if($student_img)
    {
        $imagename=time().'.'.$student_img->getClientOriginalExtension();

        $request->file->move('studentimage',$imagename);
        $data->student_img=$imagename;
    }

    $data->phone=$request->phone;
    $data->email=$request->email;
    $data->thesis=$request->thesis;
    $data->lab=$request->lab;

    $data->save();
}

```

Rajah 5.10 Skrip Kod Kemas Kini Maklumat Pelajar

Rajah 5.11 menunjukkan skrip kod bagi fungsi pengurusan pengguna sistem. Kod ini mengubah peranan pengguna yang ada dalam sistem.


```

1 class UserController extends Controller
2 {
3     public function index()
4     {
5         $user=User::where('role_as','0')->get();
6         $user2=User::where('role_as','1')->get();
7
8         return view('admin.user.index',compact('user','user2'));
9     }
10    public function updateuser($id)
11    {
12        $user=User::find($id);
13
14        $user->role_as= '1';
15        $user->save();
16
17        return redirect()->back()->with('message','User Updated Successfully');
18    }
19    public function downdateuser($id)
20    {
21        $user2=User::find($id);
22
23        $user2->role_as= '0';
24        $user2->save();
25
26        return redirect()->back()->with('message','User Updated Successfully');
27    }
28 }

```

Rajah 5.11 Skrip Kod Pengurusan Pengguna Sistem

Rajah 5.12 menunjukkan antara muka bagi fungsi log masuk. Pengguna akan memasukkan email dan kata laluan masing-masing untuk log masuk ke dalam sistem.




Rajah 5.12 Antara Muka Proses Log Masuk

Rajah 5.13 menunjukkan antara muka bagi fungsi pendaftaran akaun. Pengguna akan memasukkan nama, email, kata laluan dan peranan untuk mendaftar akaun ke dalam sistem.



Rajah 5.13 Antara Muka Proses Pendaftaran Akaun

Rajah 5.14 menunjukkan antara muka halaman utama bagi sistem. Terdapat data statistik seperti carta bar pelajar mengikut makmal dan carta pai pelajar mengikut status pengajian.




Rajah 5.14 Antara Muka Halaman Utama (Paparan Statistik)

Rajah 5.15 menunjukkan antara muka bagi halaman pelajar. Halaman ini memaparkan senarai pelajar siswazah yang ada di dalam sistem.

No	Student No	Name	Date of Birth	Gender	Action
1	P00001	MUHAMAD ABDUL MAJID HAZMI	2003-06-01	Male	[Edit] [Delete] [View]
2	P00002	ABDUL RAHMAN AL HAMZAH	2003-06-01	Male	[Edit] [Delete] [View]
3	P00003	KHIRUL AZRI BIN KHALEGORI	2003-06-01	Male	[Edit] [Delete] [View]
4	P00004	JAHMEH HADI ALI	2003-06-01	Male	[Edit] [Delete] [View]
5	P00005	Rafiqah Binti Sadiq	2003-06-01	Female	[Edit] [Delete] [View]
6	P00006	YUJI ROMPEKI	2003-07-01	Female	[Edit] [Delete] [View]
7	P00007	SOR YOUN VIE	2003-07-01	Female	[Edit] [Delete] [View]
8	P00008	NUR HUDA BINTI ISMAIL SHAH	2003-07-01	Female	[Edit] [Delete] [View]

Rajah 5.15 Antara Muka Senarai Pelajar

Rajah 5.16 menunjukkan antara muka bagi paparan maklumat pelajar. Pengguna dapat melihat maklumat pelajar dan dapat menjana laporan pelajar dalam bentuk pdf. Selain itu, Pengguna dapat mengemaskini maklumat pelajar di dalam sistem.




Rajah 5.16 Antara Muka Paparan Maklumat Pelajar

Rajah 5.17 menunjukkan antara muka bagi halaman makmal. Halaman ini memaparkan senarai makmal yang ada di pusat SOFTAM.




Rajah 5.17 Antara Muka Senarai Makmal

Rajah 5.18 menunjukkan antara muka maklumat makmal. Halaman ini memaparkan maklumat makmal.



Rajah 5.18 Antara Muka Maklumat Makmal

Rajah di bawah menunjukkan antara muka yang terdapat dalam sistem SIMPSIS. Rajah menunjukkan 5.19 antara muka muat naik fail Excel. Pengguna dapat memuat naik fail Excel ke dalam sistem untuk merekod maklumat pelajar ke dalam sistem.



Rajah 5.19 Antara Muka Proses Memuat Naik Fail Excel

Rajah 5.20 menunjukkan antara muka senarai penyelia. Sistem akan memaparkan senarai penyelia yang ada di dalam sistem.

Supervisor List				
No	Name	Email	Phone	Action
1	DAN INDRAYANI BINTI JAMARI	dian@sew@bukm.edu.my	0303030303	[Edit] [Delete]
2	HABIBAH BINTI MOH	habibah@bukm.edu.my	0303030303	[Edit] [Delete]
3	POESIAWATI BINTI SAJAT	poesiat@bukm.edu.my	0303030303	[Edit] [Delete]
4	MARINA BINTI HAMIDAH	marina@bukm.edu.my	0303030303	[Edit] [Delete]
5	RENDANGAH BINTI MOHD ABDULLAH	rendangah@bukm.edu.my	0303030303	[Edit] [Delete]
6	MURIDAH SATEZAH BINTI SUKAR	muridah@bukm.edu.my	0303030303	[Edit] [Delete]
7	HAFIZAH BINTI MOHD SALLEH	hafizah@bukm.edu.my	0303030303	[Edit] [Delete]
8	HABIBYAH BINTI MOHD SALLEH	habibyah@bukm.edu.my	0303030303	[Edit] [Delete]


Rajah 5.20 Antara Muka Senarai Penyelia

Rajah 5.21 menunjukkan antara muka maklumat penyelia. Pengguna dapat melihat maklumat penyelia dan dapat menjana laporan maklumat penyelia dalam bentuk pdf. Pengguna juga dapat mengemaskini maklumat penyelia yang ada di dalam sistem.

Supervisor Details				
Supervisor / Supervisor Details				
	<b>DAN INDRAYANI BINTI JAMARI</b>			
Email:	dian@sew@bukm.edu.my			
Tel:	08215555			
Home:				
	<b>Report</b>	<b>Next</b>		

Rajah 5.21 Antara Muka Maklumat Penyelia

Rajah 5.22 menunjukkan antara muka bagi pengurusan pengguna. Pengguna dapat mengurus akses pentadbiran dalam sistem.



Rajah 5.22 Antara Muka Pengurusan Pengguna

## 6. KESIMPULAN

Secara tuntasnya, sistem SIMPSIS ini telah berjaya dibangunkan dengan baik dan jayanya. Objektif projek yang ada dinyatakan pada Bab 1 kajian ini juga telah dicapai. Dalam proses pembangunan, sistem ini telah dibangunkan berlandaskan spesifikasi dan kaedah yang telah ditetapkan sebelum fasa pembangunan sistem. Namun, terdapat beberapa penambahbaikan terhadap sistem yang boleh dibuat pada masa akan datang agar dapat menghasilkan sistem yang berkualiti dan baik. Diharap kajian ini dapat membantu pihak pengurusan pusat SOFTAM dalam mengurus maklumat pelajar mereka..

## 7. RUJUKAN

Aprilria, A. 2019. 5 Kekurangan Jika Masih Menggunakan Microsoft Excel Dalam Mencatat Aset. SISCA. <https://sisca.id/5-kekurangan-jika-masih-menggunakan-microsoft-excel-dalam-mencatat-aset/> [29 Nov 2021]

Bourgeois, D. 2019. *Chapter 1: What Is an Information System?* Information Systems for Business and Beyond. <https://opentextbook.site/informationsystems2019/chapter/chapter-1-what-is-an-information-system-information-systems-introduction/> [28 Okt 2021]

Ershova E. A. 2015 Types of information systems and technologies of a company / E. A. Ershova, I. E. Nikulina, M. E. Abushaeva // Journal of Economics and Social Sciences. [26 Oct 2021]

FTSM UKM. 2019. *Prospektus Siswazah - FTSM UKM*. Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia. [26 Oct 2021]

Hamilton, T. 2022, April 30. What is BLACK Box Testing? Techniques, Examples & Types. Guru99, <https://www.guru99.com/black-box-testing.html> [10 June 2022]

Hamilton, T. 2022a, April 16. TEST PLAN: What is, How to Create (with Example). Guru99. <https://www.guru99.com/what-everybody-ought-to-know-about-test-planing.html> [11 June 2022]

Kurbel, K. E. 2010a. The Making of Information Systems: Software Engineering and Management in a Globalized World (Softcover reprint of hardcover 1st ed. 2008 ed., Vol. 3). Springer. [23 Nov 2021]

Kotaraya, mimin A. 2021. Duh, 7 Kelemahan Microsoft Excel untuk Pembukuan Bisnis. ABCkotaraya.id. <https://abckotaraya.id/duh-7-kelemahan-microsoft-excel-untuk-pembukuan-bisnis/> [30 Nov 2021]

Kolej Pengurusan Astin. 2011. WWW- World Wide Web. Nota CMP. <http://kelascmp.blogspot.com/2011/01/www-world-wide-web.html> [1 Nov 2021]

Lauren, C. 2021. *The 6 Main Types of Information Systems*. Hubworks. <https://altametrics.com/en/information-systems/information-system-types.html> [29 Nov 2021]

Mays Business School at Texas A&M University, M. B. S.2021. *Mays Business School at Texas A&M University*. Mays Business School | Texas A&M University. <https://web.archive.org/web/20150509003228/http://mays.tamu.edu/info/what-is-mis/>. [1 Nov 2021]

McPherson, S. S. 2010. Tim Berners-Lee: Inventor of the World Wide Web. Twenty-First Century Books. [24 Oct 2021]

Morphet, Edgar L, Johns, Roe L. And Reller, Theodore L. 1982. Educational Organization and Administration. 4th ed. Englewood Cliffs. NJ: Prentice-Hall. Inc [11 March 2021]

Qaishy, C. 2013. Sistem maklumat. Slideshare. [http://www.slideshare.net/bigmama\\_90/sistem-maklumat](http://www.slideshare.net/bigmama_90/sistem-maklumat) [27 Oct 2021]

Qing Li and Yu-Liu Chen, 2009, Entity-Relationship Diagram, Higher Education Press, Beijing and Springer-Verlag GmbH Berlin Heidelberg [28 Oct 2021]

Raymond Prytherch and L. M. 1987 Harrod's Librarians' Glossary of Terms Used in Librarianship, Documentation, and the Book Crafts, and Reference Book, 10th ed, [ 1 Nov 2021]

Sabre.2015. *The sabre story*. Sabre. <https://www.sabre.com/files/Sabre-History.pdf>. [1 Nov 2021]

SOFTAM, FTSM. (n.d.). Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat. <http://www.ftsm.ukm.my/softam/index.html> [30 Nov 2021]

WishDesk. Agile Web Development and its Benefits for the Client. WishDesk. <https://wishdesk.com/blog/agile-web-development-benefits> [30 Nov 2021]

Wikimedia Foundation. 2021. *Transaction processing system*. Wikipedia. [https://en.wikipedia.org/wiki/Transaction\\_processing\\_system.1](https://en.wikipedia.org/wiki/Transaction_processing_system.1) [1 Nov 2021]

Kwek Keng Hong (A173498)  
Jamaiah Binti Yahaya  
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Copyright@FTSM  
UKM